



# Status Tasik Chini tidak akan terlucut

Oleh [Nor Fazlina Abdul Rahim](#) - Ogos 9, 2022 @ 6:06pm  
[nfazlina@nstp.com.my](mailto:nfazlina@nstp.com.my)

KOTA BHARU: Kerajaan yakin status Tasik Chini sebagai sebahagian Rangkaian Rizab Biosfera Dunia tidak akan terlucut.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata ini berikutan tindakan pemuliharaan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri sudah dilakukan.

Katanya, kerajaan yakin laporan terhadap usaha yang dilakukan di Tasik Chini akan dihantar kepada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), sebelum 30 September.

"Tempoh yang diberikan oleh UNESCO sempat dan kita dalam proses menyediakan laporan. Semalam, saya menghadap Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Saya sudah mempersembahkan apa persiapan yang dibuat dan saya juga memaklumkan semua lesen perlombongan di Tasik Chini kita sudah batalkan termasuk lesen membabitkan orang kenamaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di SMK Sultan Ismail, di sini, hari ini.



Tasik Chini terjejas akibat kerja melombong pasir dan mineral menyebabkan ekosistem terjejas. - Foto NSTP/Aizuddin Saad

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, Tasik Chini pada masa dulu bukan berstatus hutan simpan kekal, sebaliknya tanah kerajaan menyebabkan aktiviti perlombongan dibenarkan.

"Namun kini, kerajaan negeri sudah mewartakan Tasik Chini sebagai hutan simpan hekal dan itu tindakan yang diambil bagi meyakinkan UNESCO Tasik Chini sebahagian daripada Rangkaian Rizab Biosfera Dunia.

"Justeru, saya yakin apa yang dilakukan kementerian dan kerajaan negeri itu menyebabkan status di Tasik Chini tidak akan terlucut.

"Hasil laporan yang dibuat akan dibawa dalam mesyuarat peringkat kebangsaan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, sebarang aktiviti, termasuk kelulusan baharu untuk pengambilan pasir dan mineral yang boleh menjejaskan Tasik Chini, sudah dihentikan.

Tindakan tegas itu diambil bagi memastikan status Tasik Chini sebagai sebahagian daripada Rangkaian Rizab Biosfera Dunia dapat dikekalkan.



Sebahagian besar Tasik Chini terjejas akibat perlombongan mineral menyebabkan ekosistem habitat flora dan fauna terganggu. - Foto NSTP/Aizuddin Saad